

15 AUG 1997

SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL KUNJUNGI PERDANA MENTERI (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Setiausaha Agung Komanwel Chief Emeka Anyaoku, yang memulakan lawatan selama lima hari ke Malaysia hari ini, mengunjungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Anyaoku, yang tiba di sini dari Brunei, sedang dalam lawatan untuk berunding dengan ketua-ketua kerajaan Komanwel mengenai persediaan untuk mesyuarat mereka di Edinburgh, Scotland Oktober depan.

Ketika di negara ini, beliau juga akan menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Selepas Malaysia, Anyaoku, yang diiringi oleh tiga pegawai kanannya akan berlepas ke Afrika Selatan. -- BERNAMA.

AH WAT